



**KENYATAAN TENDER PELUPUSAN ASET ALIH  
LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (MAIS)**

**Tawaran Tender Kenderaan Lupus kepada Syarikat bagi Membeli Kenderaan Milik Lembaga Zakat Selangor (MAIS) sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is basis)**

**No. Rujukan : TP (1/2026)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di Malaysia yang berminat untuk membeli aset kenderaan seperti berikut:

BIL.	KETERANGAN ASET	TAHUN	HARGA REZAB (RM)	LOKASI KENDERAAN
1.	<b>BMK 1184 : PROTON SAGA FL 1.3 CVT Kenderaan Pejabat</b>	2013	2,900.00	Menara Zakat Sultan Idris Shah, No. 1, Persiaran Bandar Raya, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor
2.	<b>BPJ 2419 : FORD TRANSIT 350L VAN 2.2 DIESEL Van Kaunter Bergerak</b>	2017	10,000.00	Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Persiaran Masjid, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor
3.	<b>BKX 2564 : HINO XZU423R –HKMRD3 Lori Kaunter Bergerak</b>	2010	25,000.00	Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Persiaran Masjid, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor
4.	<b>BLX 3646 : HINO XZU720R –HKMQK3 Klinik Bergerak</b>	2012	20,000.00	Hospital KPJ Selangor, Lot 1, Jalan Singa 20/1, Seksyen 20, 40300 Shah Alam, Selangor

2. Satu sesi taklimat akan diadakan pada 20 Mei 2026 pada jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Persidangan Al-Fateh, Tingkat 7, Menara Zakat Sultan Idris Shah, No. 1, Persiaran Bandar Raya, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor. Aset kenderaan boleh dilihat pada **20 Mei 2026** hingga **07 Jun 2026** di antara jam **10.00 pagi hingga 4.00 petang di lokasi yang dinyatakan diatas**. Sila hubungi pegawai **Encik Mohd Shahir Sulaiman di talian 03-83142809** untuk melihat kenderaan.
3. Dokumen Tender ini hendaklah dihantar melalui serahan tangan ke Peti Tender sebelum atau pada 08 Jun 2026 (Isnin) jam 12.00 tengah hari di Ibupejabat Lembaga Zakat Selangor, Menara Zakat Sultan Idris Shah, No. 1, Persiaran Bandaraya, Seksyen 14, 4000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
4. Hanya Dokumen Tawaran Tender yang lengkap dan dimasukkan ke dalam Peti Tender sahaja yang akan dipertimbangkan dan Dokumen Tender yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan. Zakat Selangor juga tidak akan bertanggungjawab terhadap penghantaran Dokumen Tawaran Tender yang tidak dimasukkan ke dalam Peti Tender.

**Lembaga Zakat Selangor (MAIS) berhak untuk menerima atau menolak dan tidak terikat untuk memaklumkan mana-mana permohonan atau membatalkan pelawaan tanpa perlu membayar balik apa-apa perbelanjaan atau kerugian yang ditanggung oleh mana-mana pemohon. Semua keputusan yang dibuat oleh Lembaga Zakat Selangor (MAIS) adalah muktamad.**

**b/p: Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Zakat Selangor (MAIS)**